

Minta pasang benteng lebih tinggi

Bagi menangani masalah hakisan pantai terutama apabila berlaku fenomena air pasang

SEKINCHAN – Seorang pengusaha jeti penyimpanan sumber hasil laut Jalan JPS Bagan Sekinchan di sini, meminta pihak berwajib memasang batu konkrit lebih tinggi bagi menangani masalah hakisan pantai terutama jika berlaku fenomena air pasang.

Pengusahanya, Yeoh Song Heng, 49, berkata, pada masa ini, batu konkrit yang diletakkan sebagai penahan benteng hakisan pantai itu tidak mampu mengatasi masalah itu berikutan keadaan batu konkrit yang rendah.

Menurutnya, dia sering berdepan masalah setiap kali berlakunya fenomena air pasang apabila air pantai itu akan naik ke jalan lalu mengalir masuk ke jeti hingga menyebabkan urusan seharian perniaga-



SONG HENG

annya terganggu.

“Keadaan ini menimbulkan kesulitan kepada saya sejak sekian lama dan meminta pihak berwajib memandang berat perkara ini agar ada jalan penyelesaian yang dapat diatasi,” katanya kepada Sinar Harian.

Selain itu, Song Heng



Song Heng meminta pihak berwajib meninggikan batu konkrit di pantai itu yang berdepan ancaman hakisan dan fenomena air pasang.

berkata, apabila berlakunya fenomena air pasang itu, jeti penyimpanan ikan itu akan dipenuhi sampah-sarap daripada pantai terbabit hingga

menyukarkan kerja-kerja pembersihan dijalankan.

“Kesan lumpur akibat air pasang ini bukan saja mengundang bau busuk, malah

mencemarkan keadaan persekitaran sekeliling dan kami terpaksa mengupah pekerja untuk membersihkan kawasan persekitaran yang ter-

cemar,” katanya.

Menurut Song Heng, dia juga terpaksa mengeluarkan wang sendiri membeli jaring untuk dipasang pada batu konkrit bagi memerangkap sampah-sarap jika berlaku air pasang dan ombak besar di pantai berkenaan.

Katanya, dengan hasil tangkapan yang semakin merosot, dia mahu menarik perhatian pihak berwajib agar ambil peranan lebih serius menangani perkara itu ekoran kebimbangan masalah hakisan lebih serius berlaku.

“Kami dah tak sanggup berdepan masalah ini saban tahun dan minta pihak berwajib supaya dapat pasang batu konkrit lebih tinggi bagi atasi masalah hakisan dan air pasang,” katanya.